

No. Ruj: Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(24)
Tarikh : 1hb Disember 2020

KENYATAAN MEDIA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Memenangi Anugerah “MSOSH OSH GOLD CLASS 1”

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah dianugerahkan dengan Anugerah “MSOSH OSH Gold Class 1” di bawah kategori Sektor Awam dan Badan Berkanun oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH), berikutan pencapaiannya dalam memulihara keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Anugerah yang dianjurkan oleh MSOSH merupakan anugerah yang mengiktirafkan syarikat dan organisasi yang mempunyai rekod cemerlang dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Anugerah tersebut diberikan kepada organisasi yang berjaya menunjukkan proses keselamatan yang kukuh serta pengurusan kesihatan pekerjaan yang ketat. Dinilai oleh panel juruaudit yang terdiri daripada wakil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM), SIRIM Berhad, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan beberapa gabungan syarikat multinasional dan syarikat persendirian.

Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok Lay Leng menganggap bahawa anugerah ini menjadi bukti usaha tekad PBBPP dalam memastikan amalan keselamatan dan kesihatan yang cemerlang dipraktikkan dalam operasi harian.

“Kami amat berbesar hati dengan anugerah yang diberikan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha ini. Pengiktirafan ini amat bermakna bagi kami dan saya percaya ia akan mendorong kami untuk berkerja dengan lebih keras dan menambahbaik pengurusan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PBBPP” katanya.

Dato' Cheok juga menyatakan bahawa penerimaan anugerah ini menunjukkan komitmen PBBPP dalam pematuhan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. “ PBBPP telah menerima pensijilan ISO 9001 dan 45001, bersama dengan penerimaan Program Akreditasi Keselamatan COVID-19 inisiatif yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bukit Bendera merupakan salah satu lokasi tarikan pelancongan di Pulau Pinang yang menekankan pematuhan piawaian kebersihan dan keselamatan serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dalam industri pelancongan” menurut beliau.

Majlis Anugerah MSOSH OSH 2019 telah dianjurkan pada 26 November 2020 secara maya, memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang masih lagi berkuatkuasa sehingga 6 Disember 2020.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 345 atau emel kepada cheryl.cheah@penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Tel: 04-8288880
cheryl.cheah@penanghill.gov.my

Mohd Naszeem
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Tel: 04-8288880
naszeem@penanghill.gov.my